



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2013

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

Kertas 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan, Kementerian Pelajaran Malaysia**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Markah penuh: 110 markah**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20** markah
 (b) Bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [20 markah]

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
(i) Pendahuluan										2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup/ Kesimpulan										2
	Jumlah Markah									20

Soalan 1: Rumusan

Pendahuluan [2 markah]	Markah
Petikan membincangkan ciri-ciri/ sifat-sifat yang perlu ada/ keperluan pada seseorang pekerja k-ekonomi di negara ini/ di Malaysia (di mana) / pada masa ini/ kini (bila) / untuk memajukan ekonomi negara (untuk apa).	2
Petikan membincangkan ciri-ciri yang perlu ada/ keperluan pada seseorang pekerja k-ekonomi.	1
Petikan membincangkan kriteria yang perlu ada pada seseorang pekerja k-ekonomi.	0
Isi Tersurat (Ciri-ciri pekerja k-ekonomi) [4 hingga 12 markah]	
S1 Memiliki pengetahuan kandungan yang banyak dan mendalam merentasi disiplin ilmu dan sektor kehidupan.	2
S2 Menguasai pelbagai jenis pemikiran , terutamanya pemikiran kritikal, analitikal dan kreatif .	2
S3 Mengamalkan prinsip pembelajaran sepanjang hidup .	2
S4 Bersedia untuk menjadi sumber rujukan kepada rakan sekerja atau pihak lain yang berkepentingan.	2
S5 Amat penting bagi setiap pekerja k-ekonomi mempunyai semangat keusahawanan yang tulen .	2
S6 Sentiasa bersedia dan berkemahiran untuk bekerja secara berkumpulan dengan mendalam dan mencakupi pelbagai aspek (Isi perlu ada kedua-dua bahagian. Jika tiada = 0m)	2
S7 Sumber manusia yang kreatif dan inovatif perlu aktif membuat ciptaan baru dan menambah baik ciptaan sedia ada . (Isi perlu ada kedua-dua bahagian. Jika tiada = 0m)	2
S8 Mempunyai kompetensi di tempat kerja .	2
S9 Menghayati nilai integriti yang terpuji dan kesetiaan kepada organisasi atau syarikat.	2
Isi Tersirat (Kesan pekerja k-ekonomi kepada negara) [4 hingga 12 markah]	
T1 Dapat memajukan negara/meningkatkan pendapatan /ekonomi negara	2
T2 Meningkatkan produktiviti kerja .	2
T3 Kualiti kerja akan meningkat.	2
T4 Tidak perlu mendapatkan/ menjimatkan kos pekerja k-ekonomi dari luar negara	2
T5 Perkongsi idea dan peningkatan inovasi . (Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)	2
Penutup	
Kesimpulannya , setiap pekerja di Malaysia perlu memiliki kriteria pekerja k-ekonomi agar dapat memajukan/ membangunkan negara.	2

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 9	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/ tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda bacaan/ ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 6	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda bacaan/ ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum : 10 markah**]

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/ sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/ salah	0

2. Soalan 3 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis.	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis.	3
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum**Markah****(i) Maksud *tunjang utama***

- Faktor asas/ perkara penting / tulang belakang
- Faktor/ perkara utama

2

1

[Maksimum : 2 markah]**(ii) Usaha kerajaan untuk melahirkan pekerja k-ekonomi:**

P1 Sejumlah RM200 juta diperuntukkan dalam bentuk latihan sambilan di Kolej Komuniti, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Pusat Giat MARA dan Institut Latihan Perindustrian (ILP).

P2 RM 100 juta diperuntukkan oleh Kementerian Sumber Manusia untuk membolehkan pekerja meningkatkan kemahiran dalam bidang teknikal.

P3 Memanggil pulang rakyat Malaysia yang berkelayakan dan memiliki kemahiran supaya pulang berkhidmat di negara sendiri.

(Isi cukup: 3 isi)**[Maksimum : 3 markah]****(iii) Dua peranan pihak swasta untuk melahirkan pekerja k-ekonomi yang kompetitif:**

P1 Sentiasa mendorong pekerja untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran dengan melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi.

[1+1]

P2 Menyediakan ganjaran atau bonus kepada pekerja yang menunjukkan keupayaan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan sedia ada dan berkongsi ilmu dengan rakan sekerja.

[1+1]

P3 Menyediakan biasiswa dan peruntukan kepada pekerja yang ingin melanjutkan pelajaran/ mengikuti kursus atau latihan/ memberi kelulusan cuti belajar kepada pekerja yang ingin belajar.

[1+1]

(Isi cukup : 2 isi)**[Maksimum : 4 markah]****(Jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

Soalan 2(b) : Petikan Cerpen**Markah****(i) Mikraj bertelingkah dengan abangnya, Israk kerana**

- P1 Mikraj menyindir abangnya Israk yang terlalu berlagak / tidak mahu ke kebun
- P2 Israk mengatakan Mikraj suka menjaga tepi kainnya / terlalu berlagak
- P3 Mikraj memarahi abangnya Israk kerana menghina, mengeji dan menyakiti Wah

(Isi cukup : 2 isi)**[Maksimum : 2 markah]****(ii) Wajar** ibu bapa menghantar anak-anak pulang ke kampung:

- P1 Bergaul dengan datuk dan nenek secara lebih rapat dan mesra
- P2 Membantu meringankan urusan datuk dan nenek yang sudah semakin tua dan uzur
- P3 Menceriakan atau mengubati kerinduan mereka terhadap cucu
- P4 Menambah pengalaman anak-anak tinggal di kampung
- P5 Meringankan urusan ibu bapa

ATAU**Tidak wajar** ibu bapa menghantar anak-anak pulang ke kampung:

- P1 Menyusahkan datuk dan nenek untuk menyediakan keperluan cucu seperti makanan dan lain-lain
- P2 Keadaan kesihatan / fizikal datuk dan nenek yang sudah tua/ uzur
- P3 Mengganggu rutin harian datuk dan nenek
- P4 Keselamatan anak-anak tidak terjamin kerana faktor usia yang sudah tua/ uzur
- P5 Hubungan antara adik-beradik ibu bapa terjejas

(Isi cukup : 2 isi)**[Maksimum : 3 markah]**

(iii) **Satu perwatakan Mikraj berdasarkan petikan:**

P1 Berjiwa sensitif

Contoh: Mikraj mengalirkan air mata apabila menceritakan kisah ketabahan Wah. [1+1]

P2 Berani

Contoh: Mikraj berani menegur perlakuan abangnya yang tidak menghormati Wah [1+1]

P3 Bijaksana

Contoh: Mikraj yang merancang percutian Israk di kampung untuk mengenali Wah. [1+1]

P4 Bersimpati / prihatin

Contoh: Mikraj kasihan melihat Wah yang dihina oleh Israk [1+1]

[Maksimum : 2 markah]

Satu perwatakan Mikraj berdasarkan keseluruhan cerpen:

P1 Berjiwa seni

Contoh: Mikraj meminati bidang sastera. [1+1]

P2 Berjiwa kampung / jati diri yang kukuh

Contoh: Mikraj suka akan makanan dan suasana kampung [1+1]

[Maksimum : 2 markah]

Nota: Huraian mesti menyebut nama watak.

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional**Markah****(i) Maksud *masuk alamat*:**

- dapat petanda / sampai tanda / petunjuk

2

[Maksimum 2 markah]**(ii) Reaksi orang-orang dagang apabila terpandangan gurap:**

P1 Orang dagang Petani kehairanan kerana pertama kali melihat gurap (kapal) yang seumpama itu;

P2 Orang dagang Tandang Halidar menyangka gurap itu kota

P3 Orang dagang Cina tercengang-cengang apabila melihat gurap yang kelihatan bercahaya pada sebelah malam

(Isi cukup : 2 isi)**[Maksimum : 3 markah]****(iii) Langkah-langkah yang wajar dilakukan oleh pihak anggota keselamatan bagi mengelakkan negara dicerobohi dan diserang oleh musuh secara tiba-tiba:**

P1 Operasi rondaan di perairan negara secara bersepadu

P2 Penggunaan sistem radar pengesanan yang lebih canggih

P3 Menambahkan pos-pos kawalan

P4 Meningkatkan kerjasama dengan pihak berkuasa negara-negara jiran.

P5 Mewujudkan dan menguatkuasakan undang-undang yang seragam kepada semua individu tanpa amalan pilih kasih atau rasuah

P6 Rakyat melaporkan kepada pihak berkuasa jika berhadapan dengan situasi yang mencurigakan

(Isi cukup : 2 isi)**[Maksimum : 3 markah]****(Jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

Soalan 2 (d) – Sajak**Markah****(i) Tiga kejayaan dalam rangkap keempat ialah:**

- P1 Rakyat Malaysia menjalin persaudaraan/persahabatan dengan negara Timur dan Barat.
- P2 Pelaut/pelayar gagah belayar di lautan
- P3 Bahasa kebangsaan berkembang dari Utara hingga Selatan.
- P4 Bahasa Melayu disebarluaskan dari pulau ke pulau menerusi aktiviti pelayaran

(Isi cukup : 3 isi)**[Maksimum : 3 markah]****(ii) Cara bahasa Melayu boleh dimartabatkan di peringkat antarabangsa**

- P1 Rakyat Malaysia/ Pemimpin menggunakan bahasa Melayu dalam majlis-majlis rasmi di peringkat antarabangsa.
- P2 Kerajaan perlu memantapkan dasar yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu
- P3 Media massa khususnya media elektronik seperti internet memainkan peranan dalam mempromosikan bahasa Melayu, contohnya melalui iklan.
- P4 Penulis-penulis blog harus lebih banyak memuat naik bahan dalam bahasa Melayu untuk dikongsi oleh masyarakat antarabangsa
- P5 Kursus bahasa Melayu diperkenalkan di universiti-universiti luar negara
- P6 Mengadakan pertandingan pidato bahasa Melayu peringkat antarabangsa

(Isi cukup : 2 isi)**[Maksimum : 3 markah]****(Jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai)****(iii) Tiga nilai daripada sajak:**

- P1 Nilai **keberanian/kegigihan**
Contoh: Pelaut gagah membelah lautan.
- P2 Nilai **amanah**
Contoh: Rakyat amanah memikul tanggungjawab mendaulatkan bahasa.
- P3 Nilai **bertanggungjawab**
Contoh: Rakyat memelihara maruah bangsa.
- P4 Nilai **patriotisme**
Contoh: Rakyat cinta akan bahasa kebangsaan.

(Isi cukup : 3 isi)**[Maksimum : 3 markah]****Nilai + Huraian = 1 markah****Tiada Huraian = 0 markah**

Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
4. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
5. Jika kedua-dua perkataan dibina dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
6. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
7. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
8. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.

Jawapan 3(a)**(i) mengupas – mengelupas**

mengupas : membuang kulit, mengopek, menguliti

mengelupas: kulit, cat dll terkupas

(ii) bercanggah – berceranggah

bercanggah: memakai canggah, bercabang, bertentangan

berceranggah: bercabang-cabang, panjang-panjang dan mencuar-cuar ke atas (macam tanduk rusa, pancang tiang dll)

(iii) menjajah – menjelajah

menjajah: menakluk, menguasai dan memerintah

menjelajah: pergi atau mengembara dari satu tempat ke satu tempat

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3(b)

- (i) FN + FN
Ayah saya guru.
Ibu jururawat / di hospital.
- (ii) FN + FA
Adik / sangat pandai.
Kakak Aisyah / cantik.
- (iii) FN + FS
Bapa / ke pejabat.
Emak / dari pasar.

[Maksimum : 6 markah]

Nota:

- Ayat dasar mesti mengandungi **satu subjek dan satu predikat** sahaja (bukan ayat majmuk)
Contoh: Abang saya **yang** bekerja di Sabah itu seorang guru.
- Ayat dasar **bukan ayat pasif**
Contoh: Nasi goreng saya makan.

Jawapan 3(c)

- (i) bernama - ternama
dwi bahasa - dwibahasa
- (ii) was-was - waswas
membangun - membangunkan
- (iii) menghadkan - mengehadkan
semulajadi - semula jadi

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3(d)

- (ii) label - logo
di - pada
- (ii) jauh - jarak
dan - dengan
- (iii) mematuhi - menjunjung
untuk - agar/ supaya

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3(e)

- (i) ular kena palu
- (ii) malang tidak berbau
- (iii) sekali kena, dua kali jalan tahu

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Peraturan pemarkahan bagi Soalan 4

- (a) (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Beri 2 markah bagi setiap peristiwa saspens dan huraian/ccontoh yang betul..
- (iv) Markah isi maksimum 4 (maksimum 2 markah bagi setiap peristiwa).
- (v) Markah bahasa maksimum 3.
- (vi) Markah bahasa diberi secara *impression*.
 - Baik : 3 markah
 - Sederhana : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (viii) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 7 markah]

- (b) (i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Beri 1 markah bagi setiap perwatakan watak sampingan.
- (iv) Beri 2 markah bagi setiap huraian/ccontoh yang betul untuk setiap perwatakan.
- (v) Markah isi maksimum 6 (maksimum 3 markah bagi setiap perwatakan).
- (vi) Markah bahasa maksimum 2.
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 8 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 4(a) Unsur saspens dalam dua buah novel:

- Peristiwa saspens ialah keadaan yang tegang atau cemas dalam sesuatu peristiwa hingga menimbulkan perasaan ingin tahu pembaca tentang peristiwa yang akan berlaku seterusnya.

(i) Papa... (akhirnya kau tewas jua!)

Peristiwa saspens (1m)	Huraian (1m)
1. Peristiwa Intan Maliana/ Mama dikejarkan ke hospital untuk melahirkan anak.	- Pembaca tertanya-tanya apakah yang akan berlaku kepada Intan Maliana dan kandungannya. Intan Maliana kemudiannya koma akibat komplikasi semasa melahirkan anak kembarnya manakala anak kembarnya meninggal dunia.
2. Peristiwa Intan Julia ditampar oleh Jeffri/papanya kerana Jeffri menghalang hubungannya dengan Rasydan selepas mengetahui bahawa Rasydan ialah anak angkat Datuk Mustaqim.	- Pembaca ingin tahu kesudahan hubungan antara Julia dengan Rasydan. Akhirnya Jeffri merestui hubungan mereka berdua selepas melihat keikhlasan hati Rasydan meskipun Rasydan anak yang lahir daripada hubungan yang terlarang.

(ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah

Peristiwa Saspens (1m)	Huraian (1m)
1. Peristiwa Fuad pulang ke Sungai Ruan untuk menjejaki keluarga sebelah ibunya dengan cuba menjejaki pusara ibunya.	- Pembaca ingin tahu sama ada usaha Fuad itu membuahkan hasil atau tidak. Fuad bertanya tentang ibunya dengan Swee Lim dan Swee Lan dan seterusnya menjejaki ibunya hingga ke Lembah Klau.
2. Peristiwa Fuad menaruh harapan yang tinggi untuk mencari ibu kandungnya apabila di Lembah Klau Pak Shamsuddin menyatakan bahawa Mariana masih hidup kerana pusaranya tiada di kampung itu.	- Pembaca ingin tahu sama ada Fuad Berjaya mencari ibu kandungnya atau tidak. Akhirnya, Fuad mendapat tahu dia dan Farhana bersaudara kerana nama ibu mereka sama dan kedatangan Robert Lim mengesahkan Mariana ialah ibu kandung mereka.

(iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah

Peristiwa Saspens (1m)	Huraian (1m)
1. Peristiwa Azfa Hanani diarahkan ke bilik pengetua kerana pada sangkaannya dia dipanggil kerana kesalahannya mencuri buku perpustakaan akibat kemiskinan hidupnya.	- Pembaca ingin tahu hukuman yang akan dikenakan terhadap Azfa Hanani. Hakikatnya, Azfa Hanani ingin ditemui oleh sepasang suami isteri yang ingin meminta pertolongannya.
2. Peristiwa Azfa Hanani bertemu dengan Datin Maziah selepas diajar oleh Tengku Mazran dan isterinya, Syafinaz untuk menyamar menjadi Tengku Murni yang telah meninggal dunia.	- Pembaca ingin tahu sama ada Azfa Hanani berjaya melaksanakan tugas penyamaran sebagai Tengku Murni. Ternyata Azfa Hanani berjaya kerana Datin Maziah percaya Azfa ialah anaknya yang telah mati.

(iv) Renyah karya Gunawan Mahmood

Peristiwa Saspens (1m)	Huraian (1m)
1. Peristiwa Mukhlis berjumpa dengan Datuk Dolhi di pejabatnya kerana ingin meminjam wang daripada bapanya untuk berdakwah di India.	- Pembaca ingin tahu sama ada Datuk Dolhi bersetuju untuk meminjamkan wang kepada Mukhlis atau tidak. Datuk Dolhi enggan berbuat demikian sebaliknya menyuruh Mukhlis mencari wang sendiri.
2. Peristiwa Hasnol menemui Tengku Munir di Teratai Inn.	- Pembaca ingin tahu tujuan Hasnol menemui Tengku Munir. Tengku Munir mahu Hasnol mempengaruhi jabatan tender agar meluluskan permohonannya untuk projek Jambatan Kota yang bernilai RM80 juta dan sebagai balasan, Hasnol akan diberikan saguhati sebanyak RM30 ribu.
3. Peristiwa Amera mengadakan pertemuan dengan YB Wahab di Kelab Mawar.	- Pembaca tertanya-tanya tujuan Amera berjumpa dengan YB Wahab. YB Wahab ingin melamar Amera sebagai isterinya.

(v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain

Peristiwa Saspens (1m)	Huraian (1m)
1. Peristiwa yang berlaku semasa malam pertunjukan Orkes Perdana yang diadakan di Dewan Tuanku Canselor dan pada masa yang sama Hilmi pula jatuh sakit.	- Pembaca ingin tahu sama ada pertunjukan akan diteruskan dan jika diteruskan pula siapa yang akan menjadi pengganti Hilmi untuk memimpin orkestra itu. Akhirnya tempat Hilmi telah digantikan oleh Hayati yang baru pulang dari London.
2. Peristiwa Hilmi sakit dan dikejarkan ke hospital.	- Pembaca ingin tahu tentang keadaan Hilmi yang sakit tenat selepas terjatuh. Akhirnya Hilmi meninggal dunia di hospital apabila semua orang telah pulang.
3. Peristiwa Hilmi dihalau keluar dari rumah Datuk Johari kerana Datin Salmah tidak senang hati apabila melihat hubungan antara Hilmi dan Hayati yang semakin rapat.	- Pembaca ingin tahu nasib Hilmi yang seterusnya apabila Hilmi bercadang ingin pulang ke kampungnya di Kedah tetapi kemudian Hilmi telah berpatah balik ke Kuala Lumpur dan bekerja di sebuah stesen minyak di Setapak.

(vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir

Peristiwa Saspens (1m)	Huraian (1m)
1. Peristiwa Amira dan Itai berhadapan dengan makhluk berbulu yang ditakuti oleh penghuni rimba ketika mendapatkan sebutir emas untuk Jacinta.	- Pembaca tertanya-tanya sama ada Amira dan Itai berjaya menyelamatkan diri daripada makhluk tersebut atau tidak. Mereka berdua berjaya menyelamatkan diri kerana makhluk itu ingin memburu pemburu emas.
2. Peristiwa Amira menemui mobile disk yang dipercayai milik Malique di puncak Gunung Gua Gajah.	- Pembaca tertanya-tanya sama ada tekaan Amira itu betul atau tidak. Mobile disk itu memang kepunyaan Malique yang terlibat dalam satu kemalangan.
3. Peristiwa Malique terjatuh ke dalam gaung apabila aliran lumpur menolak kereta yang dinaikinya.	- Pembaca tertanya-tanya sama ada Malique terselamat dalam peristiwa tersebut atau sebaliknya. Malique yang cedera telah diselamatkan oleh orang Asli.

(vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah

Peristiwa Saspens (1m)	Huraian (1m)
1. Peristiwa kehilangan Faridah dan Iqbal berhampiran dengan kawasan kemalangan tanpa meninggalkan sebarang jejak.	- Pembaca tertanya-tanya kejadian yang telah menimpa Faridah dan Iqbal sehingga sukar dikesan oleh pihak berkuasa.
2. Peristiwa Faridah terjatuh ketika mandi.	- Pembaca tertanya-tanya nasib Faridah selepas itu kerana Faridah telah dibawa ke hospital dan koma selama dua minggu.
3. Peristiwa Faridah yang terpaksa menempuhi kehilangan suaminya, Ghazali akibat kemalangan jalan raya.	- Pembaca ingin tahu keadaan Faridah selepas menerima kematian Ghazali. Faridah hampir menjadi gila hingga menyebabkan dia membawa dirinya ke New Zealand.

(viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

Peristiwa Saspens (1m)	Huraian (1m)
1. Peristiwa Bujei menumbuk dan mengugut Alias dengan parang selepas Alias merosakkan radio baru yang dibelinya di pekan.	- Pembaca ingin tahu sama ada Alias terselamat atau tidak akibat tindakan Bujei itu. Alias hanya cedera ringan dan pergaduhan antara mereka berjaya dileraikan.
2. Peristiwa Alias memfitnah Adila dengan menyatakan Adila menghidap AIDS dan telah rosak untuk menghalang hubungan antara Bujei dengan Adila.	- Pembaca ingin tahu kesudahan hubungan antara Bujei dengan Adila akibat fitnah yang disebarkan oleh Alias. Bujei yang menjauhkan dirinya daripada Adila terkejut apabila melihat Adila yang disangkakannya sakit tenat.
3. Peristiwa Alias yang semakin tidak tentu arah kerana terlalu mengharapkan Adila menerimanya hingga sanggup mengenakan ubat pengasih dan menculik Adila.	Pembaca ingin tahu sama ada Adila akan selamat atau tidak daripada perbuatan jahat Alias. Adila akhirnya berjaya diselamatkan.

Soalan 4(b)**(i) Papa... (akhirnya kau tewas jua!)****Watak sampingan: Jeffri/ Papa**

Perwatakan (1m)	Huraian (2m)
Selalu berfikiran positif.	Ketika semua orang risau akan kesihatan dan keselamatan mama kerana mengandung lagi, papa dengan yakin mengatakan bahawa sebagai manusia mereka tidak boleh menerima sahaja ketentuan nasib. Mereka hendaklah berusaha untuk mengatasi kelemahan yang ada pada mama dan selebihnya, biarlah Allah sahaja menentukannya
Bertanggungjawab.	Sebagai ketua keluarga, dia bertanggungjawab memastikan keselamatan dan kebajikan ahli keluarganya. Oleh itu, papa mesti memastikan bahawa Julia berada di rumah sebelum lewat petang. Julia pernah dimarahi kerana pulang waktu hampir senja gara-gara dibawa oleh Aisyah ke rumahnya dahulu selepas bermain tenis.
Tegas	Selepas berkahwin dengan Aisyah, papa tidak membenarkan Aisyah masuk ke bilik mama seorang diri. Papa bimbang sesuatu terjadi kepada mama dan Aisyah dituduh menjadi puncanya. Apabila arahan papa tidak diendahkan, papa dengan tegasnya menegur Aisyah di dalam bilik tidur mereka hingga menyebabkan Aisyah menangis.

(ii) Melunas Rindu**Watak sampingan: Farhana**

Perwatakan (1m)	Huraian (2m)
Bertanggungjawab	Pada hari Fuad melapor diri di Sekolah Menengah Seri Setia, dia telah memberikan taklimat ringkas dan meminjamkan beberapa buah buku kepada Fuad.
Tabah	Semasa belajar di London, dia terpaksa mengikat perut kerana kos hidup yang tinggi. Daripada biasiswa yang diperoleh, 2/3 digunakan untuk membayar sewa rumah dan hanya 1/3 yang tinggal digunakan untuk makan minum.
Periang	Dia suka bergurau dan boleh menerima gurauan. Ketika Fuad mengusiknya dengan mengatakan bahawa tulisannya buruk, dia tidak marah atau berkecil hati malah tertawa riang.

(iii) Azfa Hanani**Watak sampingan: Tengku Murni/ Murni**

Perwatakan (1m)	Huraian (2m)
Gemar berpakaian 'rugged'	Buktinya diceritakan oleh Azfa Hanani melalui gambar-gambar di dalam album Tengku Murni.
Anak yang manja	Tengku Murni akan mencium pipi ibunya sebelum keluar ke mana-mana.
Peramah	Tengku Ellina memberitahu Azfa Hanani bahawa Murni baik dengan hampir semua pelajar SM Taman Sari.
Tidak mudah mengalah	Buktinya melalui perbualan antara Abang Mazran dan Azfa Hanani, Murni dikatakan tidak mahu beralah apabila bergaduh dengan abang-abangnya.
Tidak memandang rendah pada orang lain	Syafiqah dan Fuziana ditegur oleh Murni kerana sering merendahkan orang lain.

(iv) Renyah**Watak sampingan: Datin Tominah**

Perwatakan (1m)	Huraian (2m)
Bertanggungjawab	Beliau menjaga suaminya dengan baik, seperti menjaga makan pakai Datuk Dolhi. Buktinya, beliau menghidangkan secawan kopi dan sepiring kuih kepada suaminya ketika Datuk Dolhi termenungsambil duduk-duduk didepan banglo mereka pada suatu petang.
Prihatin	Apabila melihat suaminya kerap termenung kerana kecewa akan anak-anak mereka yang enggan mengambil alih urusan syarikat, beliau sentiasa memberi semangat kepada Datuk Dolhi. Menurutnya, Datuk Dolhi jangan berputus asa.
Penyayang	Beliau amat menyayangi suami dan anak-anaknya. Buktinya, beliau menasihati Amera supaya supaya tidak terlalu memilih jodoh memandangkan usia anaknya itu kian meningkat.

(v) **Konserto Terakhir****Watak sampingan: Hayati**

Perwatakan (1m)	Huraian (2m)
Meminati muzik	Pada setiap petang Sabtu dan Khamis, dia akan belajar piano daripada seorang guru peribadi yang akan datang ke rumahnya.
Anak yang patuh/ taat	Dia menurut perintah ibunya, Datin Salmah yang mahukan dia berkahwin dengan Mohsin walaupun dia mencintai Hilmi.
Mudah bersimpati	Dia berasa simpati dengan Hilmi yang tidak dapat makan malam selepas dimarahi oleh ibunya kerana pulang lewat. Dia mengambil hidangan nasi dan lauk lalu membawanya ke bilik Hilmi supaya Hilmi dapat makan.

(vi) **Kembara Amira****Watak sampingan: Profesor Zaidah**

Perwatakan (1m)	Huraian (2m)
Bertanggungjawab	Selaku pengarah kerja lapangan iaitu ekskavasi di Bukit Mat Raya. Dia menjaga kebajikan dan keselamatan ahli-ahli pasukannya. Oleh itu, dia berusaha untuk mendapatkan bekalan generator supaya kerja menggali boleh dilakukan pada waktu malam dan bagi tujuan keselamatan Desa Karpus.
Penyayang	Setelah sedar akan kesilapannya, dia memohon maaf daripada Amira kerana meletakkan tugasnya di tempat yang pertama. Sambil berpelukan dia menegaskan bahawa walaupun sibuk, dia amat sayang akan Amira kerana Amirah satu-satunya anaknya.
Dedikasi	Selepas mengalami kemalangan kerana masalah pada brek pacuan empat roda yang dinaikinya, Dr. Zawawi mencadangkan agar ekskavasi dihentikan buat seketika. Namun, Profesor Zaidah tidak mahu mengalah dan tetap mahu meneruskannya.

(vii) Kabus di Perbukitan**Watak sampingan: Azrul**

Perwatakan (1m)	Huraian (2m)
Berwawasan	Dia yakin bahawa bidang penternakan menjanjikan masa hadapan yang cerah. Semasa berada pada tahun akhir, dia telah menyediakan kertas kerja untuk mendapatkan pinjaman daripada Bank Pertanian. Dia juga telah membuat kajian tentang jenis-jenis kambing dan kebolehpasarannya. Setelah tamat pengajian, dia telah mengusahakan projek ternakan kambing dengan modal permulaan daripada bapanya.
Amat menghargai masa	Dia selalunya akan tiba awal untuk satu-satu pertemuan. Malahan dia pernah menasihati Rahayu bahawa masa itu emas ketika Rahayu lewat menghadiri kelas tutorial.
Penyayang	Ketika Rahayu menjalani rawatan di hospital, dia sering datang menemani Rahayu. Setelah Rahayu meninggal dunia, dia sering menziarahi pusaranya di Parit Satu dan pernah bertembung dengan Faridah yang juga menziarahi pusara adiknya.

(viii) Sutera dalam Lukisan**Watak sampingan: Adila**

Perwatakan (1m)	Huraian (2m)
Cinta akan ilmu	Adila mengaplikasikan ilmu yang dimilikinya. Dia mengkaji perlakuan Bujei untuk mengenal pasti masalah Bujei dan membantunya.
Suka akan cabaran	Dia sanggup membantu seorang pemuda kampung yang bodoh, tidak terurus dan tidak berpelajaran hingga menjadi pemuda yang mempunyai yakin diri dan sanggup belajar untuk memperbaiki dirinya, iaitu Bujei. Malahan, dia berhasrat untuk berkahwin dengan Bujei.
Berani	Dia berani menyatakan hasratnya untuk berkahwin dengan Bujei kepada Mak Lamah dan Sidang Saman

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT